



Buletin

SEDIA  
MENYELAMAT  
999

"CEPAT DAN MESRA"

BIL 2/2013 ISSN 1985-0859

# BOMBA

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
*Fire and Rescue Department of Malaysia*



## MAJLIS PERASMIAN IBU PEJABAT JBPM NEGERI PERLIS



**LAWATAN RASMI YB MENTERI  
KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN KE IBU PEJABAT  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**



**MAJLIS PENYERAHAN KUNCI  
RUMAH SEMENA PROGRAM  
NATIONAL BLUE OCEAN  
STRATEGY MY BEAUTIFUL  
NEIGHBOURHOOD (NBOS 7)**



**MAJLIS PENGOPERASIAN  
BALAI BOMBA DAN  
PENYELAMAT SEMENYIH**



MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN BIL.1/2013	1	MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2012 DAN SIJIL PERSARAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI MELAKA	23
MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA SUKARELA KAMPUNG BAKO INDAH	2	MAJLIS PERASMIAN IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERLIS	24
MAJLIS PERASMIAN LAB KETUA-KETUA ZON DAN BALAI SIRI 1/2013 (ZON BORNEO)	3	PERKHEMAHAN KADET BOMBA PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-24 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	26
MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2012 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SARAWAK	4	MAJLIS PENUTUPAN KEMPEN KESEDARAN KEBAKARAN TASKA/TADIKA	27
JBPM-MFPA: OUTREACH PROGRAM: FIRE SAFETY CAMPAIGN 2013	5	MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL. 2/2013 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	27
PROGRAM PENYERAHAN PERALATAN PASUKAN BOMBA SUKARELA KUALA BALAH KELANTAN	6	LAWATAN DELEGASI JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA) KE JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	28
MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR DI PARIT NIPAH, JOHOR	7	MAJLIS ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG	29
MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG, SIJIL PERKHIDMATAN TERPUJI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI TERENGGANU DAN AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WAKAF TAPAI	8	LAWATAN RASMI YB MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA	30
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BULAN APRIL 2013	9	MAJLIS PENUTUPAN SUKAN BOMBA MALAYSIA (SUKBOM) 2013	32
MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2012 DAN SIJIL PERKHIDMATAN 30 TAHUN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK	10	MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BULAN JUN 2013	34
MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN MAJLIS MENANDATANGANI SURAT SERAH DAN TERIMA TUGAS SERTA PENYERAHAN TONGKAT KUASA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SEMBILAN	11	MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KONVENSYEN PASUKAN BOMBA SUKARELA PERINGKAT NEGERI SABAH TAHUN 2013	35
LAWATAN MESRA YAS KETUA PENGARAH KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PENAMPANG, NEGERI SABAH	12	MESYUARAT AGONG PERWAKILAN KOPERASI PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA BERHAD (KOBOPEM) KALI KE-28	36
MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2012 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SABAH	13	MALAM KEBUDAYAAN KAAMATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SABAH	37
LAWATAN RASMI YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ IBRAHIM KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KOTA MARUDU	14	<b>Sidang Redaksi</b>	
MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH PROJEK PEMBINAAN SEMULA RUMAH TERBAKAR (NBOS 7) DI KAMPUNG KOPUNADAN, KUDAT, SABAH	15	<b>Penaung</b> YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim	
MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2012 DAN SIJIL PERKHIDMATAN TERPUJI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KUALA LUMPUR	16	<b>Penasihat</b> YAS Dato' Mahadi bin Md Ali YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof	
MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2012 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG	17	<b>Ketua Editor</b> PPjB Sobberi bin Basiran	
MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2012, SIJIL PERKHIDMATAN TERPUJI, DAN PENYAMPAIAN SIJIL PERSARAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI KEDAH	18	<b>Editor</b> PgKB I Lee Siew Fatt PGB Norizan bin Saad	
MAJLIS PECAH TANAH BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT CHENG, MELAKA TENGAH, MELAKA	19	<b>Pengarang</b> PgKB I Abd Fathulmuen bin Abd Salam PgKB I Henderi bin Ardimansyah PGB Mohd Hafiz bin Suhairi PKPgB Azman bin Husien@Hasan PKPgB Rozidah binti Abni Hajar PKPgB Che Ku Azlizam bin Che Ku Daud PKPgB Mohd Fadli bin Nik Abu PKPgB Mohd Effendi bin K.Ramin PKPgB Anuar bin Hj. Hassan PKPgB Tan Min Chai PKPgB Hafidzatullah bin Rashid PKPgB Ramali bin Arbaie PKPgB Kamarulzaman bin Jaafar PPGB Nor Azlinda binti Mohd Ajjan PBT Ismail Abdullah PBK I Zulkifli bin Abdullah PBK I Bazri bin Abdul Rahman	Bhg. Pengurusan Korporat Bhg. Pengurusan Korporat JBPM Kedah JBPM Pulau Pinang JBPM Terengganu JBPM Kuala Lumpur JBPM Perak JBPM Sabah JBPM Pahang JBPM Sarawak JBPM Melaka JBPM Negeri Sembilan JBPM Perlis Bhg. Pengurusan Korporat JBPM Johor JBPM Selangor JBPM Kelantan
MAJLIS PENGOPERASIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SEMENYIH	20	<b>Fotografi</b> PB Khairul Azmi bin Mohd Noor PB Syed Fitri bin Syed Abas PB Mohd Hanafi bin Baharudin Unit Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri	
MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS SIJIL SAINS KEBOMBAAN SIRI 2/2012	21		
MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH SEMPENA PROGRAM NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD (NBOS 7) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK	22		

## Seluruh warga Bomba dan Penyelamat Malaysia

Dialu-alukan menyumbang penulisan sama ada dalam bentuk rencana, laporan, aktiviti bulanan, pandangan atau pendapat lain-lain hal yang berkaitan dengan Jabatan. Sumbangan boleh dimajukan kepada:

### Sidang Redaksi, Buletin Bomba

Bahagian Pengurusan Korporat, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya  
Tel : +603-8888 0036 Faks : +603-8888 0840 Emel : korporat@bomba.gov.my Laman Web : http://www.bomba.gov.my



## MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN BIL.1/2013

1 April 2013 (Isnin) - Majlis Perasmian Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran Bil. 1/2013 telah diadakan di Cinta Sayang Resort, Sungai Petani, Kedah yang disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir ialah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), semua Penolong-Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Negeri, Pegawai-Pegawai di Bahagian Penyiasatan, Ibu Pejabat serta Pegawai Makmal Negeri-Negeri.





# Majlis Perasmian

## Balai Bomba Sukarela Kampung Bako Indah



4 April 2013, Khamis - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah merasmikan Balai Bomba, Pasukan Bomba Sukarela Kampung Bako Indah sempena lawatan kerja ke Sarawak. Balai ini telah dibina hasil kerjasama pasukan bomba sukarela berkenaan bersama anggota dan pegawai JBPM Negeri Sarawak. Pembangunan persatuan ini turut disokong kuat oleh YB Datuk Dr. Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Ahli Parlimen P193 Santubong merangkap Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat. Persatuan ini diketuai oleh Encik Noh bin Yahim selaku Pengerusi mempunyai keanggotaan seramai 30 orang telah ditubuhkan mulai tahun 2007. Pasukan ini sememangnya aktif dan banyak membantu pasukan bomba dalam menghadiri beberapa insiden kebakaran dan penyelamatan.



Dengan terbinanya balai ini, maka Pasukan Bomba Sukarela Kpg. Bako Indah merupakan satu-satunya pasukan yang mempunyai balai pengoperasian di Negeri Sarawak.

Majlis ini turut dihadiri oleh YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Nor Hisham bin Mohammad, Pengarah JBPM Negeri Sarawak, pegawai-pegawai kanan jabatan serta penduduk Kampung Bako Indah.



Kampung  
Bako  
Indah





## Majlis Perasmian Lab Ketua-Ketua Zon dan Balai Siri 1/2013 (Zon Borneo)



Lab Ketua-Ketua Zon dan Balai Siri 1/2013 (Zon Borneo) telah diadakan di Kompleks Belia dan Sukan Kuching, Sarawak pada 3 hingga 8 April 2013. Lab tersebut telah dirasmikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah (Operasi), YS PKPjB Nor Hisham bin Mohammad, Pengarah JBPM Negeri Sarawak, pegawai-pegawai kanan daripada Ibu Pejabat JBPM, pegawai-pegawai kanan JBPM Negeri Sarawak dan peserta-peserta Lab.

Seramai 62 peserta telah menghadiri Lab kali ini yang terdiri daripada 12 Ketua Zon dan 49 Ketua Balai daripada JBPM Negeri Sarawak, JBPM Negeri Sabah dan JBPM Labuan. Dalam ucaptamanya, YAS Ketua Pengarah telah menekankan mengenai halatuju jabatan untuk menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan yang berprestasi tinggi.





# Majlis Penganugerahan

## PINGAT KEBESARAN JABATAN & ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2012 JBPM Negeri Sarawak

Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 JBPM Negeri Sarawak telah diadakan di Dewan Majlis Islam Sarawak pada 5 April 2013. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bersempena dengan lawatan kerja ke JBPM Negeri Sarawak.

Turut hadir ialah YS PKPjB Nor Hisham bin Mohammad, Pengarah JBPM Negeri Sarawak, PPjB Abdul Halim bin Mohamed Jadi, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Sarawak, PgKB II Mohd Fauzi bin Mohd Kifli, Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Sarawak serta pegawai-pegawai kanan jabatan.



Sempena majlis tersebut juga telah diadakan penyampaian Sijil Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) yang disampaikan oleh En. Mohamad Norjayadi Tamam, Pengarah Malaysian Productivity Corporation (MPC) Wilayah Sarawak kepada YS PKPjB Nor Hisham bin Mohammad, Pengarah JBPM Negeri Sarawak untuk pensijilan tahun kedua Amalan 5S di Ibu Pejabat JBPM Negeri Sarawak, Pejabat JBPM Zon Kuching serta Pejabat JBPM Samarahan.



Seramai 19 pegawai telah menerima pingat kebesaran jabatan masing-masing iaitu seorang penerima Pingat Jasa Bomba (PJB) dan 18 pegawai penerima Pingat Cemerlang Bomba (PCB). Manakala seramai 90 pegawai telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) untuk tahun 2012.

Selain itu, YAS Dato' turut menyampaikan sijil penghargaan kepada 11 pengamal media sebagai menghargai sokongan dan sumbangan mereka dalam membantu jabatan mempromosi perkhidmatan jabatan kepada masyarakat.





## JBPM-MFPA: Outreach Program:

# FIRE SAFETY CAMPAIGN 2013

6 April 2013 (Sabtu) - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama Malaysian Fire Protection Association (MFPA) telah mengadakan Kempen Keselamatan Kebakaran di Rumah Panjang Kampung Kangka, Lundu yang telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir ialah YS PKPjB Nor Hisham bin Mohammad, Pengarah JBPM Negeri Sarawak, En. Danny Cheah, Presiden Malaysian Fire Protection Association (MFPA) bersama delegasi dari Kuala Lumpur serta pegawai-pegawai kanan jabatan.



Penyerahan alat pemadam api.

Ketibaan YAS Ketua Pengarah dan rombongan daripada MFPA telah disambut oleh Tuai Layang ak Enggot, Ketua Kaum Kampung Kangka dan penghuni rumah panjang tersebut dengan penuh adat mengikut tradisi Masyarakat Iban di Sarawak.

Dalam program tersebut, JBPM telah mengadakan pelbagai aktiviti seperti pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, penyerahan alat pemadam Api, demonstrasi penggunaan alat pemadam api dan demontrasi kebombaian oleh Pasukan Bomba Sukarela Sematan. Penyerahan alat pemadam api kepada 4 buah kampung termasuk Kpg. Kangka merupakan sumbangan Corporate Social Responsibility (CSR) daripada syarikat-syarikat pengeluar peralatan menentang kebakaran yang merupakan ahli MFPA.



Ketibaan YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM disambut oleh penghuni Rumah Panjang Kampung Kangka.



Upacara Miring dilakukan oleh ketua adat rumah panjang sebagai simbolik menyambut kunjungan tetamu kehormat dan juga memohon keselamatan dan kesejahteraan mengikut kepercayaan masyarakat Iban.





## PROGRAM PENYERAHAN PERALATAN PASUKAN BOMBA SUKARELA KUALA BALAH, KELANTAN TAHUN 2013



Kelantan: 7 April 2013 (Ahad)- Seramai 200 penduduk Kuala Balah, Jeli menghadiri Majlis Penyerahan Peralatan Pasukan Bomba Sukarela Kuala Balah yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Ab. Aziz Derasid, Adun Kuala Balah pada 7 April 2013 (Ahad) di Kuala Balah, Jeli, Kelantan.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah PgKB I Razali bin Aw. Mat Saleh, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Kelantan, TPgB Che Rosli bin Hj. Sulaiman, Ketua Balai Bomba Jeli, Pegawai-Pegawai Kanan serta anggota JBPM Negeri Kelantan.

Antara segmen yang diadakan ialah ceramah mengenai penggunaan alat pemadam api yang disampaikan oleh TPgB Muhamad bin Saleh, Bahagian Keselamatan Kebakaran dan dibantu oleh Pasukan Bomba Sukarela Jeli, Kelantan.







## Majlis Penyerahan Kunci Rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Parit Nipah, Johor

9 April 2013 (Selasa) - YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa , Ketua Setiausaha Negara telah menyempurnakan majlis penyerahan kunci rumah projek pembinaan semula rumah terbakar (NBOS 7) di Parit Nipah, Johor pada 9 April 2013.

Turut hadir ialah YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PKPjB Dato' Ab Ghani bin Daud, Pengarah JBPM Negeri Johor serta pegawai-pegawai kanan jabatan. Objektif utama program tersebut ialah untuk menyiapkan rumah dalam jangkamasa yang singkat dengan kos yang rendah.

Projek pembinaan semula rumah milik Puan Siti Sariah binti Samut yang musnah terbakar pada 17 Februari 2012 telah dibina semula oleh anggota bomba oleh anggota bomba JBPM Negeri Johor.







## Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Sijil Perkhidmatan Terpuji JBPM Negeri Terengganu dan ABPM Wakaf Tapai

Khamis, 11 April 2013 - Majlis penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Penyampaian Sijil Perkhidmatan Terpuji tahun 2012 telah diadakan di Auditorium Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai. YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah merasmikan majlis pada kali ini dan seterusnya menyampaikan pingat serta sijil kepada pegawai-pegawai cemerlang Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai dan pegawai-pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu.

Di majlis tersebut seramai 5 pegawai telah menerima Pingat Kebesaran Jabatan, 56 orang pegawai menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta seramai 13 orang menerima Sijil Perkhidmatan Terpuji (SPT).

YAS Ketua Pengarah di dalam ucapamannya menyeru kepada semua pegawai agar bekerja dalam satu pasukan dan bersaing secara sihat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Budaya ini hendaklah diamalkan di setiap peringkat agar amanah dan tanggungjawab yang diberikan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan. Penganugerahan ini merupakan satu cabaran besar supaya perkhidmatan yang diberikan sentiasa berada di hadapan untuk meneraju pembaharuan dan perubahan malah mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan oleh Jabatan.

Diakhir ucapannya, YAS Ketua Pengarah turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Pingat Kebesaran Jabatan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 kerana telah berjaya menunjukkan prestasi kerja yang melebihi daripada sasaran yang ditetapkan serta berjaya mencapai ekspektasi yang diharapkan. Harapan YAS Ketua Pengarah agar Penganugerahan yang diberikan akan menjadi pemangkin kepada semua Warga Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu untuk memberi perkhidmatan yang unggul dan cemerlang kepada stake holder, pelanggan jabatan dan masyarakat di Negara ini.

Setinggi-tinggi syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Pingat Kebesaran Jabatan.







## MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BULAN APRIL 2013

12 April 2013 (Jumaat) bersamaan dengan 1 Jamadilakhir 1434H - Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan April 2013 telah dihoskan oleh Bahagian Penyiasatan Kebakaran. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir ialah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Negeri, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM.

Program yang diadakan sempena majlis tersebut ialah Pelancaran Sistem pelaporan Penyiasatan Kebakaran (E-SPTK), penyampaian Sijil Mentor Mantee dan sesi memperkenalkan pegawai-pegawai baru yang bertugas di ibu pejabat.







## *Majlis Penganugerahan*

**PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
TAHUN 2012 DAN SIJIL PERKHIDMATAN 30 TAHUN  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK**

16 April 2013 (Selasa) - Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 dan Sijil Perkhidmatan 30 Tahun JBPM Negeri Perak telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Majlis tersebut telah diadakan di Swiss Garden Golf Resort and SPA, Damai Laut, Perak.

Sempena majlis tersebut, YAS Ketua Pengarah telah menyampaikan Pingat Kebesaran Jabatan kepada 43 orang pegawai, termasuk dua (2) penerima daripada Pasukan Bomba Sukarela, 87 pegawai menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 dan Sijil Perkhidmatan 30 tahun kepada tiga (3) orang pegawai.

Turut hadir ialah YS PKPjB Hj. Yahaya bin Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, PPjB Sayani binti Saidon, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Perak, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM Negeri Perak.





## *Majlis Penganugerahan*

PINGAT KEBESARAN JABATAN,  
PENYAMPAIAN ANUGERAH  
PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN  
MAJLIS MENANDATANGANI SURAT SERAH  
DAN TERIMA TUGAS SERTA PENYERAHAN  
TONGKAT KUASA PENGARAH JABATAN  
BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN

Pada 18 April 2013, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan telah mengadakan Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Seramai 43 orang pegawai pelbagai pangkat telah dianugerahkan Pingat Kebesaran Jabatan dan seramai 54 orang pula menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

Pada tarikh yang bersejarah itu juga, berlangsungnya Majlis Menandatangani Surat Serah dan Terima Tugas serta Penyerahan Tongkat Kuasa sebagai Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan yang baru. Majlis Menandatangani Surat Serah dan Terima Tugas serta Penyerahan Tongkat Kuasa ini dilangsungkan kerana PKPjB Saadon bin Mokhtar telah dinaikkan pangkat dari Penolong Pesuruhjaya Bomba (Gred KB 52) kepada Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba (Gred KB 54) yang berkuatkuasa pada 15 April 2013 dan dilantik sebagai Komandan, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan yang baru adalah PPjB Norazam bin Khamis yang sebelum ini bertugas sebagai Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Terengganu.



Majlis bersejarah ini turut disaksikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Semua warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan mengucapkan tahniah dan syabas kepada PKPjB Saadon bin Mokhtar di atas kenaikan pangkat tersebut dan tahniah juga kepada PPjB Norazam bin Khamis di atas perlantikan sebagai Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan.





## "MENJADI SEBUAH ORGANISASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN YANG BERPRESTASI TINGGI"



### LAWATAN MESRA YAS KETUA PENGARAH KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT PENAMPANG, NEGERI SABAH

19 April 2013 (Jumaat) - Balai Bomba dan Penyelamat Penampang, Sabah telah menerima lawatan daripada YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang disambut oleh PBT Jamaludin bin Husin, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Penampang pada 19 April 2013.

Lawatan mesra ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara pengurusan tertinggi jabatan dengan pegawai-pegawai balai. Antara pengisian program adalah semasa lawatan ialah lawatan ke gerai makan tradisional serta taklimat oleh PBT Jamaluddin bin Hussin, Ketua Balai dan Penyelamat Penampang dan ucapan YAS Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir ialah YS PKPjB Nordin bin Pauzi, Pengarah JBPM Negeri Sabah. PPjB Zuraidah bin Latip, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Sabah, pegawai-pegawai kanan serta anggota-anggota balai penampang.







## Majlis Penganugerahan

### PINGAT KEBESARAN JABATAN DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2012 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SABAH

19 April 2013 (Jumaat) - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah di Dewan Ibu Pejabat, JBPM Negeri Sabah.

Turut hadir ialah YS PKPjB Nordin bin Pauzi, Pengarah JBPM Negeri Sabah, PPjB Zuraidah bin Latip, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Sabah, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM Negeri Sabah.

Seramai 62 orang pegawai telah berjaya untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang manakala 21 pegawai telah menerima Pingat Kebesaran Jabatan. Sempena majlis tersebut juga turut diadakan penyerahan Bantuan Kerusi Roda kepada En. Elvis Udan Laban (Pesara Bomba) serta Perasmian Pusat Gerakan Operasi JBPM Negeri Sabah oleh YAS Ketua Pengarah.



YAS Dato' diiringi YS Pengarah, YS Timbalan dan Pegawai-Pegawai Kanan melawat ke Pusat Gerakan Operasi (PGO)







## **LAWATAN RASMI YAS DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ IBRAHIM KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KOTA MARUDU**

Kota Marudu, 20 April 2013 - YAS Dato' Wan Mohd. Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah membuat lawatan rasmi buat julung kalinya ke Balai Bomba dan Penyelamat Kota Marudu. YAS Ketua Pengarah diiringi oleh YS PKPjB Nordin bin Pauzi, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah, PPjB Zuraidah binti Latip Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah serta Pegawai-Pegawai Kanan jabatan. Lawatan ke Balai Bomba dan Penyelamat Kota Marudu ini adalah sebahagian daripada program dan aktiviti YAS Ketua Pengarah sebelum melaksanakan perasmian penyerahan rumah yang dibina oleh anggota bomba melalui Program Lautan Biru Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai NBOS7 di Kampung Mompilis, Kudat.







## Majlis Penyerahan Kunci Rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar (NBOS 7) Di Kampung Kopunadan Kudat, Sabah

Majlis Penyerahan Projek NBOS 7, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ‘My Beautiful Neighbourhood’ Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah telah disempurnakan oleh YB Datuk Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia pada 20 April 2013 (Sabtu).

Turut hadir ialah YAS Dato’ Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PKPJB Nordin bin Pauzi, Pengarah JBPM Negeri Sabah serta pegawai-pegawai kanan JBPM Negeri Sabah.

Pemilik rumah iaitu En. Judin bin Sawakup yang tinggal di Kampung Kopunadan, Matunggong, Kudat, Sabah adalah penerima yang paling layak untuk menerima bantuan tersebut.







## Majlis Penganugerahan PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2012 DAN SIJIL PERKHIDMATAN TERPUJI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA KUALA LUMPUR

23 April 2013 - Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2013 dan Sijil Perkhidmatan Terpuji JBPM Kuala Lumpur telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Hotel Aloft, Kuala Lumpur.

Seramai 69 orang pegawai telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012, Pingat Kebesaran Jabatan seramai 17 orang dan Sijil Perkhidmatan Terpuji seramai 14 orang. Sempena majlis tersebut juga penyampaian Sijil Perakuan Bomba kepada pihak Pengurusan Hotel Aloft Kuala Lumpur yang telah memulakan operasinya pada bulan April 2013.





*MAJLIS PENGANUGERAHAN  
PINGAT KEBESARAN  
JABATAN DAN ANUGERAH  
PERKHIDMATAN CEMERLANG  
TAHUN 2012 JABATAN BOMBA  
DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
NEGERI PULAU PINANG*



29 April 2013 (Isnin) bersamaan dengan 18 Jamadilakhir 1434H - Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 29 April 2013 (Isnin) di Hotel Ixora, Perai, Pulau Pinang. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir ialah YS PKPjB Hj. Azmi bin Hj. Tamat, Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang, PPjB Mohd Shoki bin Hamzah, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Pulau Pinang, Pegawai-Pegawai Kanan serta kakitangan JBPM.

Di dalam majlis tersebut seramai 41 orang telah dianugerahkan Pingat Kebesaran Jabatan dan seramai 65 orang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012. Tahniah diucapkan kepada semua penerima-penerima pingat dan anugerah. Semoga penganugerahan ini akan menjadi pembakar semangat kepada warga JBPM, khususnya JBPM Pulau Pinang untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti kepada masyarakat.





## MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2012, SIJIL PERKHIDMATAN TERPUJI, DAN PENYAMPAIAN SIJIL PERSARAAN JBPM NEGERI KEDAH

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Sijil Perkhidmatan Terpuji, Pingat Kebesaran Jabatan dan Penyampaian Sijil Persaraan telah diadakan di Hotel Star City, Alor Setar pada 30 April 2013 (Selasa) dan disempurnakan oleh YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi).



Turut hadir sempena majlis tersebut ialah YS PKPjB Ahmad bin Shahabudin, Pengarah JBPM Negeri Kedah, PPjB Awang Hidzel bin Awang Bujang, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Kedah, Penolong Pengarah Bahagian, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM Negeri Kedah.

Seramai 55 orang pegawai menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 55 orang pegawai menerima Sijil Perkhidmatan Terpuji, 33 orang pegawai menerima Pingat Kebesaran Jabatan, enam (6) orang pegawai menerima Sijil Persaraan yang disampaikan oleh YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi). Semoga dengan anugerah-anugerah yang diberikan menjadikan anggota berkenaan sebagai contoh dan semangat kepada lain-lain anggota untuk sama-sama meningkatkan lagi taraf perkhidmatan demi mencapai visi dan misi jabatan.





## MAJLIS PECAH TANAH BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT CHENG, MELAKA TENGAH, MELAKA

30 April 2013 (Selasa) bersamaan 19 Jamadilakhir 1434H - Majlis Pecah Tanah Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Cheng, Melaka telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam pada 30 April 2013.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YBhg. Datuk Tahir bin Hasan, Timbalan Pengerusi Yayasan Melaka, YBhg. Sarabuddin bin Kudus, Pengurus Besar Yayasan Melaka, YS PKPjB Hamdan bin Wahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan, YS PPjB Zainuddin bin Md Alip, Pengarah JBPM Negeri Melaka serta pegawai-pegawai kanan jabatan.



Tapak cadangan balai bomba ini adalah berkeluasan 5 ekar, dan permulaanya hanya 2 ekar akan dibangunkan untuk Balai Bomba dan Penyelamat Cheng. Kos pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Cheng akan ditanggung sepenuhnya oleh Pihak Yayasan Melaka dan baki 3 ekar tanah berkenaan akan dibangunkan oleh pihak Yayasan Melaka untuk projek perumahan rakyat.

Seramai lebih kurang 200 tetamu hadir dalam majlis pecah tanah ini diantaranya adalah kakitangan JBPM Negeri Melaka, Kakitangan Yayasan Melaka, pemimpin-pemimpin masyarakat serta penduduk setempat.





## MAJLIS PENGOPERASIAN Balai Bomba dan Penyelamat Semenyih

30 April 2013 - Majlis Pengoperasian Balai Bomba dan Penyelamat Semenyih telah disempurnakan pada 30 April 2013 oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Antara tetamu yang turut hadir di majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Johan bin Abdul Aziz, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Polis Diraja Malaysia, Majlis Perwakilan Penduduk, Pasukan Keselamatan Kebakaran dan NGO's di Daerah Hulu Langat.

YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim di dalam ucapannya telah merakamkan ucapan penghargaan kepada seluruh pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kerana telah memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada semua penduduk di kawasan sekitar Semenyih yang telah memberikan kerjasama dalam mengamalkan budaya keselamatan kebakaran di dalam aspek kehidupan.







## MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS SIJIL SAINS KEBOMBAAN SIRI 2/2012



Menjadi kelaziman dan kemestian apabila kursus yang melibatkan pelatih-pelatih baru tamat menjalani latihan asas kebombaian, maka akan diadakan majlis tamat latihan yang merupakan acara yang penuh bermakna dan simbolik sebagai tanda berakhirnya kursus.

Pada 3 Mei 2012, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekali kali berjaya menganjurkan Majlis Tamat Latihan yang disertai oleh 492 orang peserta Kursus Asas Sains Kebombaian Gred KB 17 termasuk 25 orang pelatih dari Northport dan empat (4) orang dari PenangPort. Majlis Tamat Latihan yang bersejarah ini diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, dan telah dirasmikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Majlis Tamat Latihan yang penuh bermakna ini dihadiri oleh Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Bomba Negeri, ahli keluarga pelatih, para jemputan daripada pelbagai agensi di Daerah Marang dan pegawai kanan JBPM Negeri Terengganu. Aturcara Majlis Tamat Latihan dimulakan dengan ketibaan YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM Malaysia yang diiringi oleh PPjB Razak Muda, Komandan ABPM Wakaf Tapai. Seterusnya nyanyian lagu Negaraku, Siap Sedia Setiap Masa dan Inilah Barisan Kita oleh semua peserta perbarisan dan hadirin telah membangkitkan semangat patriotik

terhadap Negara dan Jabatan. Aturcara majlis diteruskan dengan perbarisan kehormat membuat lintas hormat dalam masa perlahan dan cepat jalan yang diketuai oleh PKPgB Nazizul Hasmarizal bin Haja Mydin. Tepukan gemuruh dari para hadirin setiap kali perbarisan melintasi pentas utama membuktikan kejayaan jabatan dalam menghasilkan modal insan yang cemerlang.

Sepanjang tempoh berkursus, pelatih-pelatih telah didedahkan dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran kebombaian meliputi teori dan praktikal Operasi Kebombaian, Pengurusan Kebombaian, Undang-Undang Kebombaian, Alat Pernafasan, Mencari dan Menyelamat, Keselamatan Kebakaran dan Penyiasatan Kebakaran dan Peralatan kebombaian.

Penganugerahan Pelatih Terbaik merupakan salah satu penghormatan yang diberikan kepada setiap pelatih setiap kali Majlis Tamat Latihan berlangsung. Penerima-Penerima Anugerah tersebut ialah:

1. Pelatih Terbaik Keseluruhan: PB Mohd Fikri bin Razak
2. Pelatih Terbaik Teori: PB Haziq bin Al-Izmir
3. Pelatih Terbaik Praktikal: PB Mohd Firdaus bin Sulaiman

Majlis Tamat Latihan pada kali ini telah berlangsung dengan jayanya dan menjadi kebanggaan kepada Jabatan. Sekalung tahniah kepada seluruh warga ABPM Wakaf Tapai yang telah memberikan komitmen tersebut untuk memastikan majlis yang diadakan berlangsung dengan meriah dan cemerlang.





## MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH

*Sempena Program National Blue Ocean Strategy  
My Beautiful Neighbourhood (NBOS 7)*

### Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak

15 Mei 2013 (Rabu) - Majlis Penyerahan Kunci Rumah Sempena Program National Blue Ocean Strategy My Beautiful Neighbourhood yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diadakan di Kampung Potong Pinang, Pokok Assam, Taiping, Perak.

Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YB Dato' Abdul Puhat bin Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YS PKPjB Hj. Yahaya bin Hj. Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, PPjB Sayani binti Saidon, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Perak serta pegawai-pegawai kanan JBPM.

Pemilik rumah iaitu En. Sulaiman bin Yahaya merupakan peserta program yang paling layak untuk menerima bantuan tersebut setelah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.







## MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2012 DAN SIJIL PERSARAAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI MELAKA

16 Mei 2013 (Khamis) bersamaan dengan 6 Rejab 1434H - YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012 dan Sijil Persaraan JBPM Negeri Melaka. Majlis telah diadakan di Hang Tuah World Heritage Hotel Melaka, Melaka pada 16 Mei 2013.

Pada majlis tersebut, seramai 41 orang pegawai telah menerima Pingat Kebesaran Jabatan dan 37 orang pegawai menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2012. Selain itu, 12 pegawai telah menerima Sijil Pesaraan yang disampaikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar bersama-sama YAS Ketua Pengarah bersama-sama dengan penerima - penerima anugerah.







## Majlis Perasmian Ibu Pejabat JBPM Negeri Perlis

21 Mei 2013 (Selasa) bersamaan 10 Rejab 1434H - Majlis Perasmian Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Pejabat Malaysia Negeri Perlis telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis.

Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah binti Almarhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis serta Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis. Turut hadir YAB Tuan Azlan bin Man, Menteri Besar Perlis, YB Dato' Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Halimah binti Mohd Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk Arpah bin Abdul Razak, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Mahadi bin Md. Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi),





YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, pemimpin masyarakat dan orang ramai di sekitar Negeri Perlis.

Majlis dimulakan dengan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis diberikan penghormatan DiRaja oleh kawalan kehormatan yang diketuai oleh PgKB II Mohd Hafiz bin Timaradin. Seterusnya baginda menyempurnakan titah perasmian, pelancaran gimik serta menandatangani plak perasmian. Pertunjukkan kebombaian yang dipersembahkan pada pagi tersebut adalah mengenai Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalan Raya (RTA) dan Operasi Pemadaman Kebakaran Hutan menggunakan kaedah "Water Bombing" dan "Medivac" oleh Unit Udara JBPM.



Majlis pada pagi tersebut diteruskan dengan Persembahan Cenderamata kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perempuan Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis.

Sesi bergambar Pengurusan Tertinggi JBPM dan pegawai kanan JBPM Negeri Perlis bersama dengan DYMM Tuanku Raja Perlis, DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis, DYT Raja Muda Perlis dan DYT Raja Perempuan Muda Perlis turut diadakan.

Majlis pada hari itu diakhiri dengan lawatan ke Pameran DiRaja dan Majlis Santapan Tengahari. Pasukan Kombo Bomba Malaysia telah mengiringi persembahaan kebudayaan disepanjang majlis itu diadakan.







## Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Kali Ke-24 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



21 Mei 2013 (Selasa) - Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Kali Ke-24, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan di Taman Millenium, Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan pada 17 hingga 22 Mei 2013. Penganjuran program ini adalah usahasama Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Pelbagai program dan aktiviti telah diadakan di sepanjang perkhemahan tersebut dan diantaranya ialah Bacaan Yassin & Tahlil, Ceramah Motivasi, Program Integrasi, Lawatan ke Sepang International Circuit (SIC) & Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu, serta Majlis Perasmian Penutupan.

Pertandingan Perkhemahan Kadet Bomba pada kali ini telah disertai oleh Peserta Kadet Bomba dan Penyelamat dari seluruh negara termasuk Sabah, Sarawak, Labuan dan Putrajaya.

Di antara acara yang telah dipertandingan adalah :-

1. Kawat Kaki
2. Aspec Challenge
3. Kawat Operasi Kering Berhalangan
4. Ikatan dan Simpulan
5. Kuiz
6. Brain & Brawn
7. Cadet Challenge

Keputusan Keseluruhan

Johan : Negeri Sarawak

Naib Johan : Negeri Selangor

Ketiga : Negeri Sabah





# MAJLIS PENUTUPAN KEMPEN KESEDARAN KEBAKARAN TASKA/TADIKA



22 Mei 2013 - Majlis Penutupan Kempen Kesedaran Keselamatan Kebakaran di TASKA/TADIKA Semai Bakti FELDA (Kelab Adik Manjaku) telah diadakan di Dewan Merak Kayangan FELDA Jalan Maktab, Kuala Lumpur. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YS PKPjB Khirudin bin Drahman @ Hussaini, Pengarah JBPM KL. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Soh Chai Hock selaku Pengerusi FIPCOM, Tuan Haji Daud bin Haji Amazin serta para jemputan yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan pelbagai lapisan masyarakat.



## MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL. 2/2013 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Mesyuarat Pengarah-Pengarah Bomba Negeri Bil. 2/2013 telah diadakan di Villa Daniella Beach Resort, Tok Bali, Kelantan pada 27 hingga 28 Mei 2013 yang dipengerusikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tujuan utama mesyuarat pada kali ini adalah untuk membincangkan isu-isu berkaitan perkembangan jabatan daripada semasa ke semasa serta program dan aktiviti JBPM Negeri-Negeri yang akan diadakan dalam tempoh yang terdekat. Taklimat Pelaksanaan Pegawai Bomba Bantuan telah disampaikan oleh YS PKPjB Edwin Galan Teruki, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan.

Sempena mesyuarat tersebut turut diadakan seminar tatatertib yang disampaikan oleh Encik Pauzan bin Ahmar daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Taklimat Skim Takaful Berkelompok yang disampaikan oleh Puan Zarinah bin Hj. Mohd Ghani dan En Ridzuan bin Hussin daripada Amfamily Takaful Berhad.

Turut hadir ialah YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah JBPM Negeri, PgKB I Mohd Ridzuan bin Hassan, Ketua Penolong Pengarah Bomba (DCA), serta PPGb Mohd Asri bin Hj. Abd Hamid, (Pasukan SMART).





## LAWATAN DELEGASI JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA) KE JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



31 Mei 2013 (Jumaat) - Japan International Cooperation Agency (JICA) telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 31 Mei 2013 di Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya.

Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS PKPjB Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan, YS PKPjB Hj. Zurkarnain bin Mohd Kassim, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, PPjB Wan Md Razali



bin Wan Ismail, Bahagian Latihan, PPjB Nik Zulkifli bin Ibrahim, Bahagian Keselamatan Kebakaran, PPjB Azlimin bin Mat Nor, Bahagian Penyiasatan Kebakaran serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

Tujuan utama lawatan tersebut ialah membincangkan mengenai kursus yang akan dianjurkan oleh pihak JICA untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta mengeratkan hubungan dua (2) hala antara kedua-dua belah pihak.





8 Jun 2013 (Sabtu) bersamaan 29 Rejab 1434H - Majlis Istiadat Mengarak Panji-Panji sempena Sambutan Hari Keputeraan Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah diadakan pada 8 Jun 2013 (Sabtu) di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah JBPM Negeri serta Pegawai-Pegawai Kanan JBPM telah hadir ke Majlis tersebut yang bermula pada pukul 9.00 pagi.

## MAJLIS ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI SEMPENA SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG



Perbarisan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM)





## LAWATAN RASMI YB MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

3 Jun 2013 (Isnin) bersamaan dengan 24 Rejab 1434H - YB Dato' Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Turut hadir mengiringi beliau ialah YB Datuk Halimah binti Mohd Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian, Pegawai-Pegawai Kanan jabatan serta kakitangan JBPM.



Majlis dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan kehormat oleh YB Dato' Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan





Kerajaan Tempatan yang diketuai oleh PgB Firdaus Khan bin Anuar Khan. Agenda diteruskan dengan taklimat organisasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang disampaikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Bilik Mesyuarat Tanjung yang turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan jabatan.

Taklimat mengenai kelengkapan peralatan kebombaaran dan demontrasi kelengkapan kebombaaran pula telah diadakan di Bay Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya. Selain itu, YB Menteri juga turut mengadakan sesi khas dengan Ahli Pasukan Kadet Bomba. Mengakhiri majlis tersebut YB Menteri telah menyampaikan ucapan kepada semua pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM di Dewan Sutera.



YB Menteri menandatangani buku pelawat



1



2



3



4



5



6

1 Taklimat mengenai Unit RIM yang disampaikan oleh YAS Ketua Pengarah kepada YB Menteri

2 YAS Ketua Pengarah menyampaikan cenderamata kepada YB Menteri

3 Taklimat mengenai Operasi Hazmat yang disampaikan oleh YAS Ketua Pengarah kepada YB Menteri

4 YB Menteri melawat ke Unit Komunikasi

5 Taklimat Organisasi JBPM oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

6 YB Menteri memberi taklimat kepada ahli Kadet Bomba





## MAJLIS PENUTUPAN SUKAN BOMBA MALAYSIA (SUKBOM) 2013

9 Jun 2013 (Ahad) bersamaan dengan 30 Rejab 1434H - Acara penuh warna-warni dan gilang-gemilang memeriahkan majlis Penutupan Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM) 2013 yang melabuhkan tirainya secara rasmi di Stadium Negeri Terengganu.

Majlis penutupan kejohanan telah disempurnakan oleh YB Tuan Hj. Rozi bin Mamat, Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan dan Sumber Manusia Negeri Terengganu. Upacara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Pengerusi Biro Sukan MASKAB. Majlis penuh gemilang tersebut telah disaksikan lebih 1,500 peserta kontinjen dari setiap Negeri.

Kontinjen Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan SUKBOM 2013.

Kumpulan Fire Warrior daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor yang juga merupakan Johan Fire Band turut menghiburkan peserta pada



malam tersebut. Majlis yang melakar sejarah tersendiri ini, telah mendapat sorakan gemuruh daripada peserta apabila pertunjukan barisan enam finalis Mr. Wonderful melakukan disiplin-disiplin yang telah ditetapkan. Persembahan yang membariskan enam finalis iaitu tiga peserta daripada 75 kilogram ke atas dan 75 kilogram ke bawah benar-benar membuktikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memiliki modal insan yang amat berharga.

Kumpulan Artis Budaya SUKTRA turut membuat persembahan tarian Adat Warisan Negeri Terengganu dan disusuli dengan persembahan Kombo Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Sebelum SUKBOM 2013 melabuhkan tirainya, upacara penyerahan Bendera Kejohanan kepada tuan rumah berikutnya telah dilakukan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim kepada YS Pengarah JBPM Negeri Perak.





## PUNGUTAN PINGAT

KONTIJEN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
Ibu Pejabat	9	4	4	17
Kuala Lumpur	3	2	1	6
Selangor	3	1	3	7
Pahang	1	2	1	4
Pulau Pinang	1	-	5	6
Sabah	1	-	2	3
Sarawak	1	-	1	2
Perlis	1	-	-	1
Negeri Sembilan	-	4	1	5
Terengganu	-	3	2	5
Perak	-	2	1	3
Kedah	-	1	2	3
Johor	-	-	3	3
Kelantan	-	-	2	2
Melaka	-	-	-	0
Labuan	-	-	-	0

## KEPUTUSAN SUKBOM 2013

Golf			
Golf - Medal A	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Ibu Pejabat	Ibu Pejabat	Kedah
	Mohd Rodzi Sulaiman	Hassan As'ari Omar	Awang Hadzel Awang Bujang
Golf - Medal B	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Ibu Pejabat	Kuala Lumpur	Terengganu
	M. Fatta M. Amin	Hamzah Mohd Isa	Khairulhasni Mokhtar
Golf - Medal C	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Ibu Pejabat	Ibu Pejabat	Kedah
	Mustafa Kamal Sidek	Dato' Soiman Jahid	Mohd Noor Shaari
Golf - Medal D	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Perlis	N. Sembilan	Ibu Pejabat
	Mohd Fadzil Harun	Hj. Buang Ibrahim	Hj. Nor Azmi Jamal

Golf – Medal E	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Ibu Pejabat	Ibu Pejabat	Kuala Lumpur
	Hassan As'ari Omar,	Mejar Subri Mat Jaen	M. Jayamohan
Golf – Medal F	Mustafa Kamal Sidek	M. Fatta M. Amin	Hamzah Mohd Isa
	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Kuala Lumpur	N. Sembilan	Ibu Pejabat
	Yusof Abu Bakar	Johari Ahmad	Norizan Sulaiman Syufaat Kamaron Mejar Subri Mat Jaen
	Haikal Jammy Ngali	Azlan Hassan	Mustafa Kamal Sidek
	M. Jayamohan	Nurul Nadia Abd. Rahim	
	Hamzah Mohd Isa	Hj. Buang Ibrahim	
Golf – Gross	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Ibu Pejabat	Kedah	Ibu Pejabat
	Dato' Soiman Jahid	Mohd Noor Shaari	Mustafa Kamal Sidek

## Lumba Basikal

Lumba Basikal (Perseorangan)	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Selangor	Perak	Negeri Sembilan
Lumba Basikal (Berpasukan)	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Ibu Pejabat	Negeri Sembilan	Selangor

## Mr. Wonderful

Mr. Wonderful Kategori 75 Kg Keatas	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Sabah	Terengganu	Selangor
Mr. Wonderful Kategori 75 Kg Kebawah	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Pahang	Kuala Lumpur	Sarawak

## Bola Jaring

Bola Jaring	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat
	Ibu Pejabat	Pahang	Pulau Pinang	Terengganu

## Fire Band

Fire Band	Johan	Naib Johan	Ketiga
	Selangor	Pahang	Pulau Pinang





# MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BULAN JUN 2013



Majlis Perhimpunan Bulanan Bulan Jun 2013 yang dihoskan oleh Bahagian Latihan telah diadakan di Dewan Sutera, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 14 Jun 2013. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Turut hadir ialah YS PKPjB Mohd Hamdan bin Wahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan, Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri, Pegawai-Pegawai Kanan serta kakitangan JBPM.

Sempena majlis tersebut telah diadakan Pelancaran Aplikasi e-Log Latihan, Penyampaian Hadiah Pertandingan mencipta kata-kata minda kreatif serta memperkenalkan pegawai baru. Turut diadakan meraikan sambutan hari lahir pegawai serta kakitangan. Majlis pada pagi diakhiri dengan jamuan di Dewan Galeri, Ibu Pejabat JBPM.





**MAJLIS  
PERASMIAN  
PENUTUPAN  
KONVENSYEN  
PASUKAN  
BOMBA  
SUKARELA  
PERINGKAT  
NEGERI SABAH  
TAHUN 2013**



Majlis Penutupan Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Peringkat Negeri Sabah Tahun 2013 telah disempurnakan oleh YB Dato' Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir ialah YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, YS PKPjB Nordin bin Pauzi, Pengarah JBPM Negeri Sabah, PPjB Zuraidah binti Latip, Timbalan Pengarah JBPM Negeri Sabah serta pegawai-pegawai kanan jabatan.

Program Konvensyen tahun ini telah berjaya mengumpulkan seramai 218 orang peserta daripada 38 pasukan dari seluruh Negeri Sabah untuk menyertai Konvensyen pada kali ini. Konvensyen tersebut diadakan selama empat (4) hari di Daerah Kota Belud bermula pada 19 Jun 2013 hingga 22 Jun 2013. Seramai 218 peserta yang terpilih ini adalah sebahagian daripada 1,236 orang anggota Pasukan Bomba Sukarela di seluruh Negeri Sabah.





## MESYUARAT AGONG PERWAKILAN KOPERASI PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA BERHAD KALI KE-28 (KOBOPEM)



YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menyempurnakan Mesyuarat Agong Perwakilan Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia Berhad Kali Ke-28 yang diadakan di Hotel Ritz Garden, Ipoh, Perak pada 23 Jun 2013 (Ahad).

Antara program yang diadakan ialah penyampaian wang agihan kebajikan kepada JBPM Negeri-Negeri yang disampaikan oleh YAS Ketua Pengarah, selaku yang dipertua KOBOPEM.

Turut hadir ialah YAS Dato' Mahadi bin Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaanan dan Penyelamat, Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian, YS PKPjB Hj. Yahaya bin Hj. Madis, Pengarah JBPM Negeri Perak, Ahli-Ahli Lembaga KOBOPEM, pegawai-pegawai kanan serta para perwakilan daripada negeri-negeri.







## MALAM KEBUDAYAAN KAAMATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SABAH

**“KOTOBIAN TADAU  
TAGAZO DO KAAMATAN”**

Program Malam Kebudayaan JBPM Negeri Sabah anjuran Kelab Rekreasi dan Sukan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah adalah program tahunan yang menjadi platform untuk membina hubungan silaturahim antara kakitangan dan keluarga dalam jabatan. Pada kebiasaannya, program ini dianjurkan bersama dengan aktiviti hari keluarga

Pelbagai aktiviti kebudayaan dan persembahan telah disajikan seperti Pertandingan Nanyian (Sugandoi), Peragaan pakaian kebudayaan kanak-kanak dan Ratu Kaamatan (Unduk Ngadau). Semua aktiviti dan pertandingan ini disertai oleh ahli keluarga di dalam jabatan sahaja dan mendapat sambutan yang amat memberangsangkan.



jabatan, namun pada tahun ini berlainan kerana dilaksanakan semasa berlangsungnya Konvensyen Bomba Sukarela, Peringkat Negeri Sabah. Program ini telah diadakan di Dewan Tun Said, Kota Belud Sabah bagi membolehkan semua kakitangan dan ahli keluarga bersama-sama dengan ahli-ahli Pasukan Bomba Sukarela untuk meraikan sambutan ini.

Sambutan pada kali ini dengan matlamat yang tetap sama iaitu menjadikannya sebagai satu lambang perpaduan dan integrasi di jabatan ini. Perayaan sebegini juga merupakan pemangkin kepada usaha jabatan untuk memupuk semangat bekerja sebagai satu pasukan. Program kebudayaan suku kaum Kadazan Dusun yang sememangnya dijadikan satu perayaan rasmi oleh Kerajaan Negeri Sabah, turut disambut oleh agensi-agensis persekutuan di Negeri Sabah sebagai menghargai kemakmuran, kejayaan dan penghargaan terhadap perpaduan serta rasa hormat terhadap budaya suku kaum di negeri ini.



Sambutan pada kali ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran YAS Dato' Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai tetamu khas. Turut hadir ialah YS TPjB Dato' Soiman bin Jahid, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat serta pegawai-pegawai kanan daripada Ibu Pejabat JBPM Putrajaya. Pesta Kaamatan atau Pesta Menuai ini disambut bukan hanya sebagai lambang kejayaan tetapi juga melambangkan perpaduan dan jati diri. Tiada yang mudah untuk kita berjaya, kejayaan itu hanya boleh dikecapi dengan semangat kental, tidak mudah mengalah, bekerja keras dan berusaha bersungguh-sungguh serta semangat yang bersatu padu.

Melalui pelaksanaan sambutan kebudayaan seperti ini adalah diharapkan perpaduan kaum di dalam jabatan akan menjadi tonggak kekuatan yang akan menjamin kejayaan dan kecemerlangan jabatan.



**“CEPAT DAN MESRA”**

**SEDIA  
MENYELAMAT  
READY TO SAVE 999**



*Ibu Pejabat*

*Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.  
Tel : 603-8888 0036 / Faks : 603-8888 0840  
email : korporat@bomba.gov.my  
website : www.bomba.gov.my*



*Diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat  
JBPM, Putrajaya.*